

Buletin WADAH Sabah

TAHUN KE-14. BIL 149. EDISI MEI-JUN 2025. eISSN28055462

DEMOKRASI DAN AKHLAK


Bapak Muhammad Natsir (1908-1993) memperingatkan bahawa kebebasan dalam demokrasi harus berpijak kepada akhlak dan tanggungjawab. Demokrasi yang membenarkan kebebasan mutlak tanpa batasan moral akan membawa kepada kerosakan masyarakat. Oleh itu, demokrasi menurut Islam mesti dibingkai oleh syariat.



MEMORANDUM

PENDIDIKAN

WADAH Sabah penuh yakin bahawa mengangkat akal dan budi adalah tujuan hakiki sebuah pendidikan. Akal akan memberi suluhan yang tepat kepada amal dan tindakan. Budi adalah natijah dari amal yang baik (Buletin Wadah Sabah, 2019)



@ Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Sabah 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH) Negeri Sabah

Penerbit

**WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH) Negeri Sabah
Lot 28, Tingkat 1, Lorong Grace Square, Jalan Pantai Sembulan
88100 Kota Kinabalu, Sabah
<https://sites.google.com/view/wadahsabah/utama>**

**Ketua Editor
ABDUL MANAP BIN MAHMUD**

**Sidang Editor
USTAZ HAJI ROSLI BIN NASKAH
Ts Dr ABDUL RAHMAN BIN MAHMUD
ABDUL NAJAL BIN PUNJUNG
DAYANG UJIAH BINTI HARAPAN**

MediaWADAHsabah



Senarai Kandungan



Mesej Pencerdasan

industri Makanan Organik, Biokeselamatan dan Stok Bekalan Makanan,
04-05

Abdul Manap Mahmud.



Advokasi

Pemikiran Demokrasi dalam ranah Politik yang inklusif di Sabah, 06-07
Akademi Sejarah dan Kajian Masa Depan Sabah (ASAS)



Kontemporari

Tinjauan Keutamaan Pelaksanaan Sustainable Development Goals (SDG)
2030 dalam Konteks Negeri Sabah, 08-10
Akademi Pembangunan Mampan Sabah (AKMAS)



Tadib

Pandangan Syed Naquib al-Attas tentang huruf sebagai tanda kepada
makna Metafizik , 11-12
Sekretariat Usrah dan Wacana Ilmu WADAH Sabah



Mutiara Hamka

Mendidik Jiwa dan Karakter: Meneladani Syeikh Zainuddin Labey el-Yunusi, 13-14
Unit Pendidikan al-Hikmah WADAH Sabah



Perspektif Qurani

Membangun Bangsa Bermutu: Tafsiran Fikrah Siddiq Fadil menurut
perspektif alQuran, 15-16
Unit Perpustakaan Siddiq Fadil WADAH Sabah



Madrasah alQaradhawi

Pandangan Yusuf al-Qaradhawi tentang Memurnikan Wawasan
Pemikiran Umat.

Unit Pengajian Kerja Sosial WADAH Sabah, 17-18



Potret komuniti, 19-25

Mesej Pencerdasan



Industri Makanan Organik, Biokeselamatan dan Stok Bekalan Makanan

ABDUL MANAP MAHMUD

Pendahuluan

Industri makanan merupakan antara sektor strategik dalam menjamin kesihatan awam dan ketenteraman sosial dalam sesebuah negara. Dalam konteks semasa, keperluan terhadap sumber makanan yang selamat, lestari dan berkhasiat telah mencetuskan minat terhadap makanan organik secara menyeluruh. Dalam hubungan ini, Industri Makanan Organik Tempatan (IMOT) secara tidak langsung jika berkembang dengan baik, akan berupaya menyumbang kepada pengurangan kebergantungan kepada import makanan yang tinggi. Oleh itu ada keperluan memberi perhatian khusus kepada tanaman organik dan penernakkan organik kepada jenis-jenis tanaman makanan dan livestock lokal secara serius dan sistematik.

Industri Makanan Organik

Makanan organik merujuk kepada hasil pertanian (sayuran, buah-buahan, bijirin termasuk padi dan lain-lain) atau ternakan (ruminan, aves, perikanan dan yang berkaitan) yang dihasilkan tanpa penggunaan baja kimia, racun perosak sintetik, hormon tumbesaran, atau organisma diubahsuai secara genetik (GMO). Pasaran makanan organik pada hari ini menyaksikan pertumbuhan positif, didorong oleh peningkatan kesedaran pengguna terhadap aspek kesihatan dan kelestarian alam sekitar. [1]

Namun, industri ini masih kecil berbanding keseluruhan sektor pertanian. Antara cabaran utama ialah kos pengeluaran yang tinggi, kekurangan infrastruktur pensijilan, dan rantai bekalan yang lemah.[2] Sudah tentu langkah-langkah proaktif dan sistem sokongan kepada IMOT ini perlu dikemaskini dan ditingkatkan untuk memastikan industri ini berdaya maju.

Photo Pandan Organik oleh Abdul Manap

Kesedaran Biokeselamatan Makanan dan Kepentingannya.

Biokeselamatan makanan merujuk kepada kawalan terhadap risiko kesihatan yang berpunca daripada agen biologi seperti bakteria patogen, virus, toksin dan GMO. Isu ini semakin kritikal dalam era globalisasi dan perubahan iklim, di mana makanan mudah terdedah kepada kontaminasi silang dan penyakit zoonotik [3]. Langkah proaktif melalui Akta Biokeselamatan 2007, untuk mengawal pelepasan, penggunaan, dan pengimportan GMO adalah sesuatu yang baik di samping kawalan dan pemantauan berterusan oleh KKM dan Jabatan Pertanian [4].

Stok Simpanan Makanan: Satu Keperluan Strategik

Situasi krisis makanan global seperti pandemik COVID-19, konflik geopolitik, dan perubahan iklim telah mengganggu rantai bekalan makanan antarabangsa. Oleh itu, stok makanan menjadi komponen strategik dalam menjamin keselamatan makanan. Iaitu melalui mekanisme meningkatkan pengeluaran domestik makanan asas, menggalakkan teknologi pintar dan pertanian moden, serta memperkasa pengurusan stok penimbang dan logistik makanan.

Kesimpulan dan Cadangan

Industri makanan organik, biokeselamatan, dan simpanan makanan adalah tiga tiang utama dalam membentuk sistem makanan yang berdaya saing. kita perlu menyokong transformasi pertanian konvensional kepada pertanian mampan dan organik. Dalam masa yang sama, terus memperkuuh penguatkuasaan biokeselamatan secara holistik di sepanjang rantai makanan, memperluas simpanan stok makanan strategik, terutama dalam kalangan pengeluar kecil dan koperasi. Ini memerlukan kolaborasi antara agensi kerajaan, swasta, komuniti tani dan pengguna.

Nota Kaki

- [1] Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia. (2022). Laporan Prestasi Sektor Organik Nasional. Putrajaya: MOA.
- [2] Wong, K. Y. & Ibrahim, N. (2021). "The Challenges of Organic Farming in Malaysia." *Journal of Agricultural Sustainability*, 13(2), 45–59.
- [3] World Health Organization. (2020). Food Safety and Biological Hazards. Geneva: WHO.
- [4] Jabatan Pertanian Malaysia. (2023). Garis Panduan Keselamatan dan Kualiti Makanan. Kuala Lumpur: JP.

Pemikiran Demokrasi dalam ranah Politik yang Inklusif di Sabah

Oleh

Akademi Sejarah dan Kajian Masa Depan Sabah (ASAS)

Pengenalan

Sabah, sebagai sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaiannya etnik, budaya, dan agama, sering kali menjadi medan ujian kepada keupayaan rakyat dan pemimpinnya dalam mengurus pluraliti secara harmoni. Antara isu yang sering timbul menjelang pilihanraya adalah isu politik identiti, isu eksplorasi agama dan isu polarisasi kaum. Fenomena ini amat membimbangkan kerana ia berpotensi menjelaskan struktur sosial dan menghalang kemajuan politik yang inklusif dan matang.

Politik Identiti yang Eksklusif

Politik identiti menurut Dr. Farish A. Noor, sering kali muncul dalam masyarakat yang mengalami krisis representasi dan kepercayaan terhadap sistem politik arus perdana.^[1] Dalam konteks Sabah, faktor sejarah seperti ketidaksamarataan pembangunan wilayah, status penduduk pribumi, dan isu imigrasi telah mewujudkan ketegangan yang mudah dimanipulasi oleh ahli politik. Sungguhpun politik identiti bukanlah sesuatu yang asing dalam sistem demokrasi, namun apabila ia mengambil bentuk eksklusif yang menyemai prasangka dan kebencian antara kaum atau agama, maka ia telah melangkaui batas moral dan etika demokrasi.

Profesor Shamsul Amri Baharuddin menegaskan bahawa politik identiti yang dipacu oleh perkauman sempit hanya akan menghasilkan polarisasi masyarakat, sekali gus menghalang proses integrasi nasional yang sepatutnya berkembang secara organik melalui pengalaman bersama.^[2]

Perspektif Islam terhadap Eksplorasi Agama dalam Politik

Surah al-Hujurat ayat 13 menyatakan bahawa Allah menciptakan manusia berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar mereka saling mengenali, bukan membenci. Ayat ini sering dijadikan rujukan oleh para sarjana seperti Dr. Tariq Ramadan untuk menolak ideologi perkauman yang berasaskan keunggulan sesuatu etnik atau kelompok agama.^[4]

Fungsi Politik dalam Masyarakat Majmuk

Dari sudut sosiopolitik, matlamat utama politik adalah untuk menjamin kesejahteraan rakyat melalui pengurusan sumber, pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan, dan keadilan sosial. Profesor Francis Fukuyama menyatakan bahawa legitimasi politik hanya akan dicapai apabila kerajaan berjaya memenuhi keperluan rakyat melalui institusi yang cekap dan adil.^[5] Maka, tumpuan kepada isu kaum dan agama sebagai modal politik adalah satu penyelewengan daripada tujuan sebenar demokrasi.

Dalam konteks Sabah, cabaran sebenar ialah ketidakseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar, isu kemiskinan luar bandar, peluang pendidikan yang tidak setara, serta akses kepada perkhidmatan kesihatan. Isu-isu ini memerlukan pendekatan dasar yang menyeluruh dan bukannya manipulasi emosi berbasis identiti.

Kesimpulan

Politik perkauman dan agama bukan sahaja menjelaskan keharmonian masyarakat, malah merendahkan martabat politik itu sendiri. Dalam konteks Sabah yang plural dan rencam, masa depan negeri ini terletak pada keupayaan rakyat dan pemimpinnya untuk menolak politik kebencian dan membina masyarakat yang adil, berdaya saing, dan inklusif.

Nota Kaki

- [1] Farish A. Noor, *What Your Teacher Didn't Tell You: The Annexe Lectures*, Matahari Books, 2009.
- [2] Shamsul Amri Baharuddin, "Nations-of-Intent in Malaysia," in *Asian Forms of the Nation*, Routledge, 2004.
- [3] Imam al-Ghazali, *al-Tibr al-Masbūk fī Naṣīḥah al-Mulūk*, ed. Muhammad Bājir al-Mahallāti, Beirut: Dar al-Kutub, 1980.
- [4] Tariq Ramadan, *Western Muslims and the Future of Islam*, Oxford University Press, 2004.
- [5] Francis Fukuyama, *Political Order and Political Decay*, Farrar, Straus and Giroux, 2014.



Tinjauan Keutamaan Pelaksanaan Sustainable Development Goals (SDG) 2030 Dalam Konteks Negeri Sabah

Disediakan Oleh
Akademi Pembangunan Mampan Sabah (AKMAS)

Pelaksanaan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals, SDG) di Malaysia perlu mengambil kira keunikan geografi, demografi dan cabaran pembangunan negeri-negeri termasuk Sabah. Sebagai negeri kedua terbesar di Malaysia, Sabah memiliki kepelbagaiannya sumber asli, etnik dan budaya, namun masih berdepan dengan pelbagai ketidakseimbangan pembangunan yang signifikan. Oleh itu, penekanan terhadap beberapa matlamat SDG tertentu adalah penting bagi menjayakan agenda pembangunan mampan yang inklusif dan efektif di negeri ini.

1 NO POVERTY



1. Menghapuskan Kemiskinan (SDG 1)

Sabah mencatat kadar kemiskinan mutlak tertinggi di Malaysia. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Sabah pada tahun 2020 mencecah 25.3%, berbanding purata kebangsaan sekitar 8.4%¹. Masalah ini lebih ketara di kawasan pedalaman seperti Pitas, Nabawan dan Tongod. Justeru, tumpuan kepada program peningkatan pendapatan, pembangunan luar bandar, dan bantuan bersasar amat kritikal.

4 QUALITY EDUCATION



2. Pendidikan Berkualiti (SDG 4)

Cabaran akses dan kualiti pendidikan di Sabah masih membenggu komuniti pedalaman, termasuk murid-murid dari kawasan terpencil yang terpaksa menempuh perjalanan jauh ke sekolah. Data menunjukkan perbezaan ketara dalam pencapaian akademik antara kawasan bandar dan luar bandar². Pelaburan dalam infrastruktur pendidikan, latihan guru, dan penyediaan sokongan pembelajaran digital perlu diperhebat untuk memastikan pendidikan inklusif.

6 CLEAN WATER AND SANITATION



3. Air Bersih dan Sanitasi (SDG 6)

Ketersediaan air bersih merupakan cabaran utama bagi ribuan penduduk Sabah, khususnya di pulau-pulau seperti Pulau Gaya dan kampung-kampung di pedalaman³. Masih terdapat kawasan yang bergantung kepada air hujan atau sungai yang tercemar untuk keperluan harian. Oleh itu, pembangunan sistem bekalan air bersih dan sanitasi yang lestari perlu diberi perhatian segera.

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



4. Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi (SDG 8)

Walaupun Sabah kaya dengan sumber semula jadi, ekonomi negeri ini masih bergantung kepada sektor utama seperti pertanian dan perladangan. Golongan belia Sabah sering berdepan kekurangan peluang pekerjaan berkualiti, menyebabkan penghijrahan ke Semenanjung Malaysia⁴. Pelaburan dalam sektor pelancongan lestari, industri hiliran dan latihan kemahiran TVET mampu membuka lebih banyak peluang ekonomi.

10 REDUCED INEQUALITIES



5. Mengurangkan Ketidaksamaan (SDG 10)

Ketidaksamaan pembangunan antara bandar dan luar bandar serta antara etnik turut menjadi isu utama. Golongan seperti masyarakat peribumi pedalaman, masyarakat tanpa dokumen, dan pelarian sering terpinggir dalam proses pembangunan⁵. Polisi yang bersifat inklusif dan pemerkasaan komuniti rentan sangat penting untuk memastikan tiada kelompok yang tertinggal

13 CLIMATE ACTION



6. Tindakan Terhadap Perubahan Iklim (SDG 13)

Sabah terkenal dengan kekayaan biodiversiti dan hutan tropika yang luas, namun terdedah kepada kesan perubahan iklim seperti banjir, tanah runtuh dan kehilangan habitat⁶. Pengurusan sumber semula jadi secara mampan, pemuliharaan alam sekitar dan pelaburan dalam teknologi hijau perlu dipertingkat untuk menjamin kelestarian ekosistem dan kehidupan komuniti setempat.

16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS



7. Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh (SDG 16)

Sabah turut berdepan isu-isu berkaitan keselamatan sempadan, kewarganegaraan, dan ketelusan pentadbiran. Masalah penduduk tanpa dokumen memberi implikasi sosial, ekonomi dan keselamatan yang besar⁷. Reformasi institusi dan pendekatan berasaskan hak asasi manusia perlu diterapkan untuk menegakkan keadilan dan memperkuuh kepercayaan rakyat.

Penutup

Keseluruhan pelaksanaan SDG 2030 di Sabah mesti berteraskan pendekatan berasaskan lokaliti (place-based development), dengan penyertaan aktif semua pihak termasuk kerajaan, NGO, komuniti adat, dan sektor swasta. Pemantauan berasaskan data, pengumpulan statistik mikro dan penglibatan akar umbi merupakan kunci untuk memastikan setiap matlamat dapat diterjemah menjadi realiti dalam kehidupan rakyat Sabah.

Nota Kaki:

- [1] Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). Laporan Tinjauan Pendapatan, Perbelanjaan dan Kemudahan Asas Ibu Rumah 2020.
- [2] Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). Laporan Prestasi Pendidikan Negeri Sabah.
- [3] UNDP Malaysia (2022). Localising SDGs in East Malaysia: Challenges and Pathways.
- [4] DOSM (2020). Laporan Tenaga Buruh Sabah.
- [5] SUHAKAM (2018). Laporan Status Hak Asasi Manusia di Kawasan Luar Bandar Sabah dan Sarawak.
- [6] WWF Malaysia (2021). Sabah Forest Conservation Report.
- [7] JIM & SUHAKAM (2019). Kajian Penduduk Tanpa Dokumen di Sabah.

Pandangan Syed Naquib al-Attas tentang huruf sebagai tanda kepada makna metafizik

Disediakan Oleh

Sekretariat Usrah dan Wacana Ilmu WADAH Sabah

"Huruf-huruf dalam ayat al-Quran itu tiada lain dari tanda-tanda yang menyimpulkan perkara maknawi yang terterap pada hakikat zahir dan batin." - Syed Muhammad Naquib al-Attas

Pendahuluan

Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas bahawa huruf-huruf dan ayat-ayat al-Qur'an berakar pada pendekatan metafizik dan epistemologi Islam yang mendalam, khususnya dalam memahami wahyu sebagai sumber ilmu yang mutlak. Menurut beliau, huruf-huruf dalam al-Qur'an bukanlah sekadar lambang linguistik atau fonetik, tetapi merupakan tanda-tanda (*āyāt*) yang menyimpulkan makna-makna yang mendalam, bersifat zahir dan batin [1]. Dalam pandangan ini, setiap huruf dan ayat dalam al-Qur'an membawa dimensi simbolik yang menunjuk kepada realiti yang lebih tinggi – iaitu hakikat-hakikat metafizik dan maknawi yang menjadi asas kepada pemahaman tentang Tuhan, alam, dan insan.

Huruf sebagai tanda kepada makna metafizik

Syed Naquib al-Attas melihat huruf-huruf sebagai entiti yang tidak berdiri sendiri, tetapi yang mengisyaratkan kepada makna yang lebih besar dan dalam. Dalam tradisi Islam, ini selaras dengan konsep bahawa setiap ayat al-Qur'an adalah *āyah* – yakni tanda – yang menunjuk kepada Tuhan dan kebenaran yang ghaib. Oleh itu, huruf-huruf yang membentuk ayat-ayat ini juga mewarisi kedudukan sebagai tanda-tanda (*signifiers*) kepada hakikat-hakikat yang tersembunyi (*al-bātin*) dan yang nyata (*al-zāhir*) [2].

Zahir dan batin dalam tafsiran ayat

Dalam kerangka al-Attas, pemahaman terhadap al-Qur'an tidak memadai hanya dengan membaca secara *literal* (zahir). Makna batin – yakni makna yang lebih dalam, rohaniah, dan hakiki – mesti dicapai melalui proses pemahaman ilmu yang sahih dan tafakur. Maka, huruf-huruf dalam al-Qur'an adalah seperti pintu kepada makna-makna batin, dan tidak harus dipandang hanya sebagai struktur linguistik [3].

Kesinambungan antara simbol dan realiti

Pandangan ini juga menunjukkan bahawa al-Qur'an adalah manifestasi perkataan Tuhan dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh pancaindera manusia (zahir), tetapi mengandung makna-makna yang hanya boleh dicapai oleh akal dan hati yang tercerahkan (batin). Huruf-hurufnya menyimpulkan makna-makna tersebut kerana ia disusun secara *ilahiah*, bukan secara *arbitrari* seperti dalam bahasa manusia biasa [4]

Ilmu sebagai pemahaman makna, bukan hanya bentuk

Ini membawa kepada konsep ilmu menurut al-Attas: ilmu bukan sekadar mengetahui bentuk atau istilah, tetapi memahami makna sebenar yang tersirat di sebaliknya. Maka, membaca al-Qur'an dengan kefahaman akan kedalaman makna huruf-huruf dan ayatnya adalah bentuk tertinggi pencarian ilmu dalam kerangka Islam [5]

Nota Kaki:

- [1] Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). Risalah unuk kaum Muslimin. ISTAC. Kuala Lumpur.
- [2] Syed Muhammad Naquib al-Attas, The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul, (Kuala Lumpur: ISTAC, 1990), hlm. 15-18.
- [3] Ibid., hlm. 22-24.
- [4] Wan Mohd Nor Wan Daud, The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas, (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998), hlm. 75-77.
- [5] Al-Qur'an, Surah Fussilat (41:53): "Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (āyāt) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri sehingga jelas bagi mereka bahawa ia adalah kebenaran..."



Mendidik Jiwa dan Karakter: Meneladani Syeikh Zainuddin Labay el-Yunusi

Disediakan Oleh
Unit Pendidikan Al-Hikmah WADAH Sabah

Syeikh Zainuddin Labay el-Yunusi (1890-1924) adalah salah seorang guru kepada Hamka. Gurunya ini adalah seorang tokoh pembaharuan pendidikan di Minangkabau. Berikut adalah ulasan Hamka mengenai Syeikh Zainuddin:

"Beliau merupakan seorang pendidik yang mendidik bukan hanya akal, tetapi menyentuh hati dan membentuk jiwa. Beliau tidak banyak melarang, tidak pernah merotan, tetapi menggembirakan pelajarnya dan menyelami perasaan mereka. Beliau juga mengajar melalui kisah-kisah, terutama kisah Nabi Muhammad SAW, yang sarat dengan nilai dan teladan." [1]

Pendidikan Berasaskan Cinta dan Kegembiraan

Pendekatan yang tidak memaksa tetapi membangkitkan minat dan kasih sayang dalam jiwa murid menunjukkan bahawa pembelajaran yang berkesan bermula dari hati yang tenang dan gembira. Dalam pendidikan kontemporari, aspek ini penting bagi membina suasana bilik darjah yang mesra, penuh empati dan saling hormat antara guru dan murid. Pelajar yang merasa dihargai dan gembira akan lebih terbuka untuk menerima ilmu dan membentuk akhlak yang baik [1]

Penceritaan Sebagai Kaedah Membina Nilai

Menggunakan kisah - terutamanya kisah Rasulullah SAW - merupakan satu pendekatan mendalam dalam pendidikan nilai. Kisah bukan sekadar hiburan, tetapi medium yang menyampaikan hikmah, membentuk pemikiran dan membina karakter. Penceritaan menghidupkan nilai seperti kejujuran, keberanian, kesabaran dan belas kasihan dalam jiwa pelajar. Dalam tradisi Islam, ini juga merupakan sunnah, kerana Nabi SAW sendiri menggunakan kisah untuk mendidik para sahabat.



Tidak Merotan: Pendekatan Kasih dan Empati

Penolakan terhadap hukuman fizikal dan penekanan kepada pendidikan jiwa menandakan pendekatan tarbiah berdasarkan rahmah (kasih sayang). Syeikh Zainuddin menyelami jiwa muridnya, memahami keadaan emosi mereka, serta membimbing dengan sabar dan hikmah. Dalam konteks masa kini, ini bertepatan dengan konsep social-emotional learning (SEL) yang meneckankan pemahaman kendiri, empati, dan pengurusan emosi sebagai asas pendidikan karakter [2].

Pembinaan Karakter sebagai Teras Pendidikan

Pendidikan bukan sekadar pencapaian akademik, tetapi pembentukan insan yang berakhhlak dan bertanggungjawab. Pendekatan Syeikh Zainuddin mengingatkan kita bahawa karakter adalah matlamat tertinggi pendidikan. Sebagaimana Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (HR Ahmad). Maka, pembentukan akhlak perlu menjadi asas kepada segala bentuk pendidikan – dari rumah, sekolah, hingga masyarakat.

Kesimpulan

Kaedah pendidikan Syeikh Zainuddin adalah contoh unggul pendidikan berjiwa – mendidik dengan cinta, hikmah dan teladan. Dalam zaman moden, di tengah-tengah kemajuan teknologi dan tekanan pencapaian akademik, pendekatan ini mengingatkan kita akan keutamaan pembentukan insan yang seimbang dari segi akal, emosi dan rohani. Pendidikan yang membina karakter ialah pendidikan yang meninggalkan kesan yang kekal dalam kehidupan pelajar.

Nota kaki

- [1] Muhammad Shah Ahmad Nor. (2024). Pesan Hamka kepada Pendidik. Fajar Pakeer.
- [2] Zakaria Stapa. (2012). Pendidikan Islam dan Pembentukan Insan. Jurnal Pengajaran Islam, 5(1), 23-36.
- [3] Elias, M. J., et al. (1997). *Promoting Social and Emotional Learning: Guidelines for Educators*. Association for Supervision and Curriculum Development

Membangun Bangsa Bermutu: Tafsiran Fikrah Siddiq Fadil Menurut Perspektif Al-Quran

Disediakan oleh
Unit Perpustakaan Siddiq Fadil WADAH Sabah

Menurut Ustaz Siddiq Fadil – “Bangsa yang berkualiti serapuh buih akan segera hilang lenyap, tetapi yang berkualiti unggul, yang kehadirannya membawa makna dan dampak positif, merekalah yang mampu bertahan melintasi badai dan taufan sejarah” [1] – bukan sekadar ungkapan retorik, tetapi menyimpan hikmah mendalam mengenai falsafah pembinaan bangsa. Beliau mengangkat soal kualiti bangsa bukan semata-mata dari sudut fizikal dan ekonomi, tetapi lebih-lebih lagi dari segi nilai, jatidiri, dan orientasi spiritual.

Kerapuhan Bangsa: Simbolik Buih dalam al-Quran

Dalam surah ar-Ra'd ayat 17, Allah SWT berfirman: "Adapun buih itu, akan hilang sebagai sesuatu yang tidak berguna; tetapi yang memberi manfaat kepada manusia, tetap tinggal di bumi." (Surah ar-Ra'd, 13:17) [2]. Ayat ini secara langsung menjadi analogi yang digunakan oleh Ustaz Siddiq Fadil. Buih yang ringan, tidak berakar, dan tiada nilai utiliti adalah gambaran umat atau bangsa yang kosong dari pengisian rohani dan nilai luhur. Ia wujud sebentar, tetapi segera lenyap tanpa memberi kesan. Ini mencerminkan bangsa yang hanya dibina atas dasas materialisme, kebanggaan palsu, atau nasionalisme sempit tanpa nilai keadilan, amanah dan ihsan. Maka, apabila ditimpa cabaran sejarah, bangsa seperti ini akan mudah runtuh – seperti buih yang pecah di permukaan air.

Kualiti Unggul: Bangsa yang Membawa Makna

Sebaliknya, bangsa yang berkualiti unggul adalah mereka yang digambarkan dalam al-Quran sebagai "ummatan wasata" – umat pertengahan yang adil, seimbang dan membawa rahmat. Firman Allah: "Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia..." (Surah al-Baqarah, 2:143) [3]. Bangsa seperti ini tidak hanya bertahan dalam sejarah, malah mampu mempengaruhi dunia dengan nilai kebaikan dan kemanusiaan. Mereka tidak hidup sekadar untuk mempertahankan eksistensi, tetapi memberi sumbangan besar kepada tamadun. Umat Islam pada zaman kegemilangan Andalus, Abbasiyah dan Uthmaniyyah menjadi contoh bangsa yang membawa dampak positif sebagaimana disebut Ustaz Siddiq Fadhil.

Akhhlak dan Ketahanan Sejarah

Al-Quran turut mengajarkan bahawa ketahanan sesuatu bangsa banyak bergantung kepada kekuatan akhlak dan nilai spiritual mereka. Firman Allah SWT: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."(Surah ar-Ra'd, 13:11) [4]. Perubahan dalaman - dari segi integriti, kesedaran moral, dan semangat tanggungjawab kolektif - adalah syarat utama untuk bangsa bertahan. Tanpa ini, bangsa walau sebesar mana pun akan musnah, sebagaimana kaum 'Ad, Thamud dan Firaun yang lenyap kerana kerosakan moral dan keangkuhan mereka.

Peranan Intelektual dan Ulama

Ustaz Siddiq Fadhil menekankan peranan intelektual dan ulama yang membina kesedaran bangsa. Pandangan beliau ini selari dengan model para nabi dalam al-Quran, yang tidak hanya menjadi pemimpin spiritual tetapi juga *nation builders* (pembina umat). Nabi Musa a.s., Nabi Yusuf a.s., dan Nabi Muhammad SAW semua menunjukkan bahawa transformasi bangsa hanya berlaku apabila wujud pemimpin yang membangunkan jiwa masyarakat.

Kesimpulan

Petikan Ustaz Siddiq Fadhil bukan sekadar nasihat budaya, tetapi mencerminkan makna yang sangat Qurani. Ia mengajak umat Islam - khususnya bangsa Melayu Muslim di Nusantara - untuk membina kekuatan bangsa yang tidak rapuh seperti buih, tetapi teguh seperti batu karang di dasar lautan. Kekuatan itu tidak datang dengan slogan atau simbol semata, tetapi dengan pendidikan jiwa, pengamalan agama secara menyeluruh, dan pengukuhan nilai keinsanan. Sebagaimana dijanjikan oleh al-Quran, yang bermutu akan kekal, dan yang sia-sia akan lenyap.

Nota Kaki:

Nota Kaki

- [1] Siddiq Fadil. (1991). *Minda Melayu Baru*. Institut Kajian Dasar.
- [2] Al-Quran, Surah ar-Ra'd, 13:17. Tafsir al-Maraghi menyatakan bahawa buih menggambarkan perkara sia-sia yang tidak bermanfaat dalam kehidupan.
- [3] Al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:143. Menurut Tafsir Ibn Kathir, "ummatan wasata" merujuk kepada umat yang adil, sederhana dan menjadi model kepada umat lain.
- [4] Al-Quran, Surah ar-Ra'd, 13:11. Ayat ini sering ditafsirkan sebagai dorongan kepada perubahan dalaman yang menjadi asas kepada perubahan luaran dan sejarah bangsa.

Pandangan Yusuf al-Qaradhawi tentang memurnikan wawasan pemikiran muslim

Disediakan oleh
Unit Pengajian Kerja Sosial WADAH Sabah

“Perkara yang diperlukan dalam usaha meluruskan kembali wawasan pemikiran dan kefahaman Muslim akan ajaran agamanya adalah kemestian kita mengetahui mana perkara-perkara yang mesti didahulukan dan diberikan keutamaan dan manakah perkara-perkara yang mesti dibersihkan dan dibasmi daripada pemikiran mereka” - Dr Yusuf al-Qaradhawi [1]

Usaha meluruskan kembali wawasan pemikiran dan kefahaman umat Islam terhadap ajaran agamanya merupakan satu kewajipan yang tidak boleh dipandang remeh. Ini kerana kekeliruan dalam memahami Islam secara menyeluruh dan seimbang boleh membawa kepada pelbagai bentuk penyimpangan, sama ada dari segi pemikiran, akhlak maupun tindakan. Dalam hal ini, antara perkara asas yang mesti diberi perhatian ialah mengetahui mana yang perlu didahulukan dan diberikan keutamaan, serta mana pula yang perlu dibersihkan dan dibasmi daripada pemikiran umat.

Dalam konteks ini, umat Islam perlu mengutamakan pembinaan akidah yang murni, penghayatan terhadap nilai-nilai kemanusiaan dan keadilan sosial yang digariskan oleh al-Qur'an. Sebagaimana firman Allah: “Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil, dan berbuat ihsan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat...” (Surah al-Nahl, 16:90) Ayat ini menunjukkan betapa pentingnya keutamaan nilai-nilai teras dalam pembinaan masyarakat, sebelum membahaskan perkara-perkara cabang atau isu-isu khilafiah yang boleh menimbulkan perpecahan.

Selain keutamaan, pemikiran umat juga perlu dibersihkan daripada unsur-unsur yang menyesatkan dan merosakkan. Antaranya ialah: *Fanatisme* melampau terhadap mazhab atau tokoh, yang boleh menafikan kebenaran pandangan lain. Taksub terhadap ideologi politik atau kelompok, sehingga agama dijadikan alat perpecahan dan bukannya penyatuan.

Kecelaruan dalam memahami autoriti ilmu, di mana pendapat yang tidak berdasarkan disiplin ilmu disamakan dengan ijtihad para ulama mujtahidin. Dr. Yusuf al-Qaradhwai menyeru kepada tajdid (pembaharuan) dalam memahami agama dengan mengembalikannya kepada sumber asal, iaitu al-Qur'an dan Sunnah, disertai dengan ijtihad kontemporari yang relevan [2]. Beliau menolak pemikiran jumud dan mengajak kepada pemikiran yang *wasatiyyah* (seimbang), yang merupakan asas kepada ketamadunan Islam yang terbuka dan progresif.


Dalam realiti hari ini, umat Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran global yang menuntut kemurnian wawasan pemikiran. Kecelaruan maklumat di media sosial, yang mempercepatkan penyebaran ajaran sesat dan pemikiran ekstrem. Untuk menghadapi cabaran masa depan, umat perlu membina generasi Muslim yang berfikir secara kritis, bertindak secara hikmah, dan memiliki kefahaman yang seimbang terhadap agamanya. Ini memerlukan kesungguhan dalam bidang pendidikan, institusi dakwah, media dan kepimpinan intelektual. Sepertimana yang digariskan oleh al-Qur'an: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya." (Surah Ali 'Imran, 3:104)

Penutup


Meluruskan kembali pemikiran umat bukan sekadar tugas para ulama, tetapi tanggungjawab kolektif semua pihak – pemerintah, pendidik, aktivis, dan masyarakat awam. Keutamaan yang benar dan pembersihan yang tepat akan membuka jalan ke arah kebangkitan umat yang berpaksikan wahyu, berpandukan ilmu, dan dipandu oleh akhlak.

Nota Kaki:

- [1] Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Awlaiyyat: Satu Kaian Baharu dari Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah*. Thinkers Library. 2020
- [2] Yusuf al-Qaradawi, *As-Sahwah al-Islamiyyah bayna al-Juhud wa at-Tatarruf*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1985.



Potret Komuniti



Qurban

USRAH TASAWWUR
ISLAM SECARA ONLINE

PERKONGSIAN
IMPAK KEPADA
JARINGAN
DAKWAH
KOMUNITI DI
SABAH

BERSAMA
TUAN HASSANUDIN HAJI GULILING
SETIAUSAHA WADAH SABAH

WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA
THE MOVEMENT FOR AN INFORMED SOCIETY MALAYSIA

MEI 08, 2025
8.30-9.30PM

WADAH NEGERI SABAH

مَرْجِعُكَ مَنْهُولٌ حِلْقَلَدُ. قَالَ أَبُو سَعِيدٍ الْخَطَّابِيُّ: لَا يَرْجُونَ اللَّهَ أَيْمَانًا
خَلَقُوهُ خَلَقُهُمْ أَنْتَ أَنْتَ خَلَقْتَهُمْ بِرِزْقِنَا وَمِنْ رِزْقِنَا لَمْ يَكُنْ لَّهُ خَلَقَهُمْ
أَنْتَ أَنْتَ خَلَقْتَهُمْ بِرِزْقِنَا وَمِنْ رِزْقِنَا لَمْ يَكُنْ لَّهُ خَلَقَهُمْ

"Program Ibadah Qurban secara sistematik telah dianjurkan oleh WADAH Sabah sejak 2010 lagi di seluruh Sabah dengan kerjasama pelbagai agensi"
- Tuan Hassanudin Guliling, Setiausaha WADAH merangkap Pengurus Tetap JK Ibadah Qurban

BULETIN WADAH SABAH

Potret Komuniti

**Imarahkan Amalan
KORBAN**
di Sabah 1446H/2025

"Meraih Taqwa melalui Ibadah Korban"

Logos: PKPM SABAH, WADAH SABAH, ABIM SABAH, SALWA, HAFIZAH, DAKWAH, SAGA, JIFG

**07 Jun 2025
10 Zulhijjah 1446H
(Sabtu)**

**① Pusat Tunas Nahdah Putatan,
Putatan**

② Surau Kg. Ria 2, Nabawan

**08 Jun 2025
11 Zulhijjah 1446H
(Ahad)**

③ HOME Tuaran, Tuaran

④ RPH Ranau, Ranau

**09 Jun 2025
13 Zulhijjah 1446H
(Isnin)**

⑤ Kg. Lompius, Kota Belud

**⑥ SRI DAR AI-HUFFAZ,
Sandakan**

**08 - 10 Jun 2025 / 11 - 13 Zulhijjah 1446H
Bersama Sukarelawan KOCERAH Shah Alam
Tawau - Pulau Sebatik - Semporna**

7

Potret Komuniti



Program Ibadah Qurban di Taski Putatan. 070625

Potret Komuniti

an Taski Seri Bestari Abim



Program Ibadah Qurban di Taski Putatan. 070625

Potret Komuniti



Program Ibadah Qurban di RPH Ranau. 080625

Potret Komuniti



Minum Petang WADAH bersama ABIM, IKRAM dan HALUAN. 08/05/25



Mengikuti Syarahan Idea Madani Profesor Dr Osman Bakar, Rektor UIAM secara online 24/5/25

Potret Komuniti



Koleksi Arkib WADAH
Sabah berkaitan
memorandum dan
resolusi.

Potret Komuniti



Program Ibadah Qurban di HOME Tuaran. 080625



team
work